

22/05/2002

Kementerian buat perakuan tolak rayuan kontraktor gagal siap projek

KUALA KLAWANG, Selasa - Kementerian Kerja Raya akan membuat perakuan kepada kerajaan supaya tidak melayan sebarang rayuan kontraktor untuk meneruskan semula projek yang gagal disiapkan sehingga menyulitkan rakyat yang memerlukan pembangunan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau akan mengemukakan perakuan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan, tidak lama lagi.

Katanya, kementerian sudah menemui banyak kes membabitkan kontraktor yang gagal melaksanakan projek yang ditawarkan, tetapi menggunakan saluran tertentu merayu untuk memulakannya semula.

"Inilah masalah kementerian sekarang dan ia adalah satu dilema bukan saja kepada saya, malah Jawatankuasa Penawaran Kontrak dan pegawai terbabit.

"Kita sudah mengambil tindakan membetulkan keadaan ini, termasuk membatalkan beberapa kontrak, tetapi ia diberikan semula kepada kontraktor selepas membuat rayuan.

"Susah kita dibuatnya kerana ada kontrak sudah dibatal...kita bagi pada orang lain untuk teruskan, tetapi terpaksa bagi balik pada orang lama, sebab dia merayu.

"Kita dalam dilema kerana selepas batal, rayu...lepas itu kita batal, rayu lagi. Bila bagi balik kepada dia, dia kata dia tidak boleh buat. Kita tamatkan kontrak bukan kita tidak suka muka kontraktor itu. Kita mesti selesaikan tugas seperti dalam perjanjian," katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas merasmikan majlis pecah tanah kerja menaik taraf Jalan Seremban-Kuala Klawang sepanjang 16 kilometer berharga RM40 juta, di sini hari ini.

Menteri diminta mengulas arahan Perbendaharaan kepada semua kementerian yang diberi kuasa menamatkan kontrak bagi projek yang ditawarkan oleh agensi di bawah kawalannya mengikut jadual.

Dalam laporan Berita Harian hari ini, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam, berkata projek itu dianggap sebagai 'sakit' dan usaha perlu dilakukan bagi menjamin ia tidak menjelaskan program pembangunan kerajaan.

Projek yang ditakrif sebagai sakit bagi maksud itu adalah projek yang kelewatan pelaksanaan melebihi tiga bulan atau 30 peratus daripada jadual yang mana terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasi.

(END)